

Permintaan terhadap tenaga elektrik tidak terjejas

UM 1 1 APR 2001

LUMUT 10 April — Permintaan terhadap tenaga elektrik sebagai sumber untuk pembangunan ekonomi tidak akan terjejas biarpun negara dijangka berdepan dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan akibat masalah ekonomi di Amerika Syarikat.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie berkata, kerajaan sudah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dan telah menağtur beberapa langkah bagi menangani krisis ekonomi temaan disebabkan kegawatan dan kelembapan ekonomi AS.

Menurutnya, beberapa langkah yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini membuktikan kerajaan mengambil langkah positif bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh kelembapan ekonomi negara itu.

“Permintaan ke atas tenaga elektrik sebagai sumber pembangunan ekonomi dijangka meningkat sebanyak 10 peratus tahun ini walaupun kerajaan menyedari akan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Amerika Syarikat,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan turbin gas yang pertama untuk Projek Blok Ketiga di Loji Jana-kuasa Lumut dekat Segari di sini, hari ini.

Menurut beliau, loji jana kuasa kelapan di bina di negara ini berkemampuan untuk menjana 13,000 megawatt bagi memenuhi permintaan yang setakat ini mencapai sehingga tahap 9,500 megawatt.

Jana kuasa yang diusahakan oleh Malakoff Berhad sebagai penjana kuasa bebas terbesar di negara ini, kata Leo Moggie, adalah sebagai usaha memastikan keupayaan penjanaan elektrik di negara ini dalam jangka masa terdekat adalah mencukupi dan memenuhi permintaan yang semakin bertambah.

Menurut beliau, keupayaan negara menyediakan kapasiti penjanaan elektrik yang mencukupi adalah sangat penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara akan terus mampan dan berupaya bersaing maju.

“Saya yakin dengan pembinaan blok ketiga, loji Jana Kuasa Lumut mampu menjana 650 megawatt apabila be-

roperasi nanti akan membe-rangsangkan lagi prestasi ekonomi negara,” ujarnya.

Jana kuasa seberat 343 metrik tan berukuran 15.5 meter panjang dan 5.4 meter lebar dibuat di Manhiem, Jerman dan dikeluarkan oleh Alstom Power Asia Pacific Sdn. Bhd., tiba di pelabuhan Lumut Sabtu lepas.

Blok baru itu akan mempunyai tiga buah turbin gas dan sebuah turbin wap dan merupakan loji jana kuasa turbin gas kitar padu yang terbesar di Malaysia.

Turbin gas yang pertama berkapasiti 143 megawatt akan mula beroperasi hujung tahun ini manakala kapasiti seterusnya mula beroperasi secara berperingkat-peringkat sehingga mencecah tahap maksima 650 megawatt pada awal tahun 2003.

Sehubungan itu, jelas Leo Moggie, kerajaan tidak berca-dang untuk menambah penglibatan sektor swasta dalam penjanaan tenaga sehingga 2005.

“Setakat ini lapan syarikat yang ada adalah mencukupi untuk penjanaan kuasa dan mampu memenuhi permintaan yang semakin meningkat, ujarnya.